

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 FEBRUARI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

2.69 juta rakyat Malaysia sudah kemas kini PADU

2.69 juta rakyat Malaysia sudah kemas kini PADU

BACHOK: Seramai 2.69 juta rakyat negara ini sudah mengemas kini maklumat peribadi mereka dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sejak ia diperkenalkan oleh kerajaan 2 Januari lalu.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, melihat kepada situasi itu, pihaknya yakin hasrat kerajaan untuk melihat seluruh rakyat negara ini mengemas kini PADU akan menjadi kenyataan sebelum tarikh akhir 31 Mac nanti.

Menurutnya, PADU sudah mempunyai 30 juta senarai nama dan maklumat rakyat negara ini yang dikumpulkan dari pelbagai agensi, namun memerlukan pengesahan serta kemas kini semula maklumat.

"Aspek keselamatan data adalah fokus utama kerajaan dan rakyat tidak perlu risau soal itu. Sebaliknya, mereka hanya perlu kemaskini maklumat seperti status perkahwinan dan pekerjaan semasa supaya kita dapat maklumat terkini yang tepat.


"Jabatan Perangkaan Ma-

laysia (DOSM) akan terus turun ke lapangan untuk membantu warga emas, Orang Asli dan penduduk kawasan pedalaman mengisi serta mengemas kini PADU," katanya ketika ditemui pada program lawatan di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Mahligai, di sini, semalam.

Mengulas mengenai keluhan Orang Asli berkait dengan PADU, Mohd. Uzir memberitahu, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pimpinan masyarakat terutama Tok Batin.

Katanya, DOSM akan menyediakan pasukan khas di semua pos penempatan Orang Asli bagi melancarkan kerja-kerja mengisi dan mengemas kini PADU.

"Pada masa sama, kita juga akan turun penjagaan orang tua bagi menjayakan usaha kerajaan. DOSM turun menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan pusat, negeri termasuk pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan pejabat wakil rakyat," ujarnya.



MOHD. Uzir Mahidin (kanan) memberi penerangan kepada pengunjung berkaitan kaedah pengisian data PADU di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) Mahligai, Bachok, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG.